

Kerenah birokrasi ganggu pelancongan

Oleh Ziauddin Sharuddin

KUALA LUMPUR: Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor bosan dengan kerenah birokrasi sesetengah agensi kerajaan yang menimbulkan pelbagai masalah kepada pelancong dan pengusaha pelancongan.

Sesetengah agensi kerajaan katanya, masih mengikut cara penjajah Inggeris yang meninggalkan undang-undang yang tidak lagi sesuai di negara ini.

"Antara laporan pelik saya terima ialah aduan seorang pengusaha hotel bajet yang mendakwa tidak akan mendapat lesen kerana hotelnya hanya menyediakan ke-

BH-7/11/2007

“Di luar negara, saya biasa tinggal di dormitori atau asrama yang berkongsi bilik air, tetapi di sini tidak boleh”

**Tengku Adnan
Tengku Mansor**
Menteri Pelancongan

mudahan bilik air berkongsi.

"Di luar negara, saya biasa tinggal di dormitori atau asrama yang berkongsi bilik air, tetapi di sini tidak boleh," katanya dalam temu bual bersama *Berita Minggu*.

Tengku Adnan berkata, masalah lain membabitkan hotel bajet yang diterimanya ialah pengusaha hotel bajet perlu mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan (PBT) supaya setiap dua bilik mempunyai satu pemadam api.

Katanya, keperluan keselamatan penting di hotel bajet, tetapi meminta PBT menggunakan budi bicara terhadap pengusaha hotel berkenaan.

"Kalau diceritakan, saya pun naik bosan, tetapi inilah masalah

yang berlaku. Saya tidak boleh melakukan apa-apa dan akan menulis surat kepada menteri berkaitan supaya hotel bajet dilesenkan secara sempurna, tetapi tidak terlalu ketat," katanya.

Selain itu, katanya masalah pandangan serong terhadap pelancong Asia, terutama dari negara jiran masih berlaku di barisan depan yang menyambut kedatangan mereka.

Katanya, sesetengah pelancong Indonesia yang tiba di negara ini melalui jalan laut seperti di Stulang Laut, Johor, menghadapi kerenah membabitkan Jabatan Imigresen dan Kastam Diraja Malaysia yang menganggap mereka Tenaga Kerja Indonesia (TKI).

"Begitu juga dalam kes dua orang kulit hitam warga Amerika Syarikat yang ditangkap kerana pandangan serong," katanya.

Tengku Adnan berkata, kerajaan menyedari masalah itu dan sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), RM50 juta diperuntukkan untuk melatih semula pelbagai pihak di sektor swasta dan awam mengenai kepentingan pelancongan.

WAWANCARA PENUH
DI MUKA 12



PM minta rakyat jayakan TMM'07

DARI MUKA 1

Abdullah kemudian menaiki feri untuk menaiki buaian pusing sambil menikmati pemandangan indah bandar raya.

Alat unik dengan 42 gondola itu mampu memuatkan 386 penumpang dan menampung berat keseluruhan kira-kira 400 tan.

Pelancaran TMM'07 yang mensasarkan kehadiran 20.1 juta pelancong asing dan menjana pendapatan RM44 bilion tahun ini disiarkan secara langsung ke Australia, New Zealand, Macau, Jepun, China, Filipina, Hong Kong, Indonesia, Taiwan dan Singapura.

Dalam ucapannya, Abdullah meminta rakyat menjayakan TMM'07 dengan membantu pelancong dan menjadikan kunjungan mereka sesuatu yang menyenangkan.

Katanya, rakyat perlu menunjukkan

betapa masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan budaya adalah insan mesra yang hidup dalam keadaan aman dan selamat.

"Terima baik pelawat datang dengan senyuman, jika mereka mencari jalan bantulah dengan memberi maklumat yang diminta," katanya.

Abdullah berkata, tanggungjawab mereka bukan saja akan menggalakkan kedatangan pelancong yang berbelanja di sini tetapi juga membawa pelaburan baru ke Malaysia.

Katanya, pelancongan adalah industri yang membantu pembangunan ekonomi negara sejak beberapa tahun lalu dengan hasil lawatan 17 juta pelancong tahun lalu saja menjana perolehan kira-kira RM37 bilion.

"Bila pelancong datang mereka lihat betapa keselesaan dan kedamaian negara kita, mereka akan mahu membuat pelaburan, untuk berniaga, buka kilang dan sebagainya," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia memiliki pelbagai tarikan pelancongan yang menarik seperti pulau dan pantai yang indah, makanan yang lazat, pusat beli-belah yang menawarkan harga berpatutan dan kemudahan prasarana yang baik.

Katanya, kepelbagaian budaya dan warisan kraf tangan rakyat Malaysia yang bermutu dan unik seperti batik dan songket adalah tarikan pelancong ke negara ini.

"Saya percaya jika kita lebih gigih tahun ini, ramai lagi pelancong akan datang," katanya.

Abdullah juga mengalu-alukan rakyat negara asing yang mengikuti siaran langsung supaya mengunjungi Malaysia.

"Anda boleh melihat apa yang saya nyatakan tadi, anda juga akan mendapati rakyat Malaysia adalah insan yang mesra dan peramah menyambut tetamu," katanya.